

GARIS PANDUAN KEBENARAN PULANG AWAL SATU JAM KEPADA STAF WANITA MENGANDUNG UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



GARIS PANDUAN KEBENARAN PULANG AWAL SATU JAM KEPADA STAF WANITA MENGANDUNG UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menjelaskan pelaksanaan kebenaran pulang awal satu jam daripada masa bekerja biasa bagi staf wanita mengandung serta dipanjangkan kepada staf lelaki yang mempunyai pasangan penjawat awam yang mengandung dan bekerja di lokasi yang berdekatan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 UKM sentiasa memberi perhatian terhadap staf wanita. Pada masa ini, staf wanita telah diberikan kemudahan Cuti Bersalin dan Cuti Menjaga Anak. Selaras dengan keprihatinan berterusan terhadap staf wanita, UKM telah bersetuju memperkenalkan satu lagi inisiatif iaitu memberi kebenaran pulang awal satu jam kepada staf wanita yang mengandung lima bulan dan ke atas;
- 2.2 Kemudahan ini diberi demi kebajikan dan keselamatan staf wanita;
- 2.3 Kemudahan ini dipanjangkan kepada suami yang merupakan staf UKM yang bekerja di lokasi berdekatan yang pulang bersama isterinya bagi membolehkan suami membantu isteri semasa dalam perjalanan; dan
- 2.4 Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada staf lelaki yang isterinya penjawat awam dan telah mendapat kelulusan untuk pulang satu jam awal.

3.0 TAFSIRAN

Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"Ketua Jabatan" bermaksud seseorang staf yang mengetuai sesuatu jabatan atau mana-mana staf yang diwakilkan kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan untuk bertindak bagi pihaknya;

“Lokasi yang berdekatan” bermaksud tempat di mana suami dan isteri bekerja dalam satu bangunan atau satu kompleks atau kawasan; yang mana suami dan isteri tersebut menaiki kenderaan yang sama sepenuhnya/sebahagiannya untuk pulang dari tempat kerja; dan

“Mengandung lima bulan atau 22 minggu ke atas” bermaksud usia kandungan kehamilan berusia 22 minggu dan ke atas.

“Staf” bermaksud pegawai yang sedang berkhidmat yang dilantik oleh UKM termasuk Hospital Pengajar Universiti.

4.0 PELAKSANAAN

4.1. Kelayakan

- 4.1.1 Staf wanita mengandung lima (5) bulan atau 22 minggu ke atas layak untuk memohon kemudahan ini;
- 4.1.2 Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada staf lelaki yang **isterinya penjawat awam** dan telah mendapat kelulusan untuk pulang satu jam awal;
- 4.1.3 Permohonan perlu dibuat secara dalam talian di Sistem Pengurusan Kehadiran;
- 4.1.4 Staf yang telah diluluskan hendaklah merekod kehadiran bekerja (log masuk dan log keluar) melalui **Aplikasi MyUKM**;
- 4.1.5 Pengurangan satu (1) jam adalah berdasarkan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) bagi staf wanita mengandung dan suami serta tidak boleh memilih WBF Ramadan jika telah diluluskan kemudahan ini;
- 4.1.6 Peraturan kerja lebih masa dalam melaksanakan kemudahan ini adalah seperti berikut:
 - a) Staf yang memilih untuk menggunakan kemudahan ini tidak dibenarkan menuntut elaun lebih masa bagi tujuan menyelesaikan tugas hakiki yang tertunggak kerana pulang lebih awal. Contohnya, staf pulang awal satu jam setiap hari menyebabkan kerjanya tertunggak dan kemudiannya datang pada hari Sabtu (Hari Rehat Mingguan) atau hari Ahad (Hari Kelepasan Mingguan) untuk melaksanakan kerja yang tertunggak tersebut; dan
 - b) Ketua Jabatan boleh mengarahkan staf untuk bekerja lebih masa atas sebab kepentingan perkhidmatan selaras dengan peraturan kerja lebih masa yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, tuntutan elaun lebih masa hanyalah dibenarkan bagi kerja-kerja selain daripada kerja-kerja tertunggak yang disebabkan oleh penggunaan kemudahan ini.

- 4.1.7 Perkhidmatan yang waktu bekerjanya berlainan daripada waktu bekerja pejabat seperti waktu bekerja syif, Ketua Jabatan boleh menyediakan peraturan dalaman berkaitan kemudahan ini yang bersesuaian dengan kepentingan perkhidmatan masing-masing.

4.2 Syarat bagi **Staf Wanita Mengandung** adalah seperti berikut:

- 4.2.1 Diperuntukkan kepada semua staf lantikan tetap, sementara dan kontrak (*contract of service*);
- 4.2.2 Kemudahan ini akan tamat sehari selepas hari akhir yang diluluskan atau pada tarikh bermula cuti bersalin, mengikut mana yang terdahulu; dan
- 4.2.4 Penggunaan kemudahan ini adalah berdasarkan permohonan pegawai dan kelulusan Ketua Jabatan.

4.3 Syarat bagi **staf lelaki** adalah seperti berikut:

- 4.3.1 **Pasangan merupakan staf UKM/ penjawat awam** dan telah mendapat kelulusan untuk pulang satu jam awal.

5.0 PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya polisi ini, Pekeliling Pendaftar Bil.21/2021: Penambahbaikan Garis Panduan Waktu Bekerja di UKM adalah **TERBATAL**.

7.0 PENGUATKUASAAN

- 7.1 Polisi Waktu Bekerja, Universiti Kebangsaan Malaysia ini berkuat kuasa 1 Oktober 2025;
- 7.2 Pihak Universiti adalah berhak meminda dan mengubah suai mana-mana peruntukan yang terdapat dalam peraturan mengenai perkara tersebut pada bila-bila masa. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara peruntukan dalam dokumen ini dengan peruntukan dalam panduan perkhidmatan.

KELULUSAN:

Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil.9/2025 bertarikh 19 Ogos 2025.

Disediakan oleh:

Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan, Jabatan Pendaftar

Tarikh: 10 September 2025